

UCAPAN PERASMIAN  
KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2014

OLEH  
YANG BERHORMAT  
DATUK ROSNAH BT ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

PADA 30 OKTOBER 2014

Terima kasih Saudara Pengurus Majlis,

**YB Tuan Romli bin Dai**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

**Yang Berbahagia Dato' Ir. Annies bin Md Ariff**  
Ketua Pengarah Kerja Raya

**Yang Berbahagia Ir. Hj. Ismail b Md. Salleh**  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya

**Yang Berusaha En. Sazaly bin Saidi**  
Timbalan Yang Di Pertua Persatuan Syarikat Konsesi  
Lebuhraya Malaysia

**Yang Berbahagia Datuk Ir Hamzah Hasan**

Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

**Yang Berusaha Tuan Hj. Sarani bin Dollah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kerja Raya

**Yang Berbahagia Prof Dato' Dr. Hj. Ahmad Redzuan bin Hj Abd Rahman**

Rektor

Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tan Sri – Tan Sri, Dato' – Dato',  
Datin – Datin, Ahli – ahli Lembaga Pengarah serta Ketua –  
Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi,

Tuan – tuan dan Puan – puan saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1  
Malaysia,

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya sekali lagi kita akan menganjurkan Kejohanan Sukan Kerja Raya kali yang ke-7 ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010 kali yang ke-7 ini. Tahniah kepada semua Warga JKR Negeri Perlis dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia atas usaha yang gigih serta komitmen yang jitu dan padu dalam menjayakan penganjuran temasya sukan dwitahunan ini. Ucapan ribuan terima kasih turut saya ucapkan buat Kerajaan Negeri Perlis serta pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah

memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan kejohanan dwitahunan bagi ‘*Warga Kerja Raya*’ ini. Seperti mana semua sedia maklum, kita akan bersama-sama berkampung bagi menjayakan kejohanan ini selama 4 hari bermula 29 haribulan Oktober hingga 1 haribulan November 2014. Saya difahamkan oleh Jawatankuasa Penganjur tadi, kejohanan ini melibatkan 31 bilangan kontinjen dalam 15 acara sukan yang akan dipertandingkan dan melibatkan penglibatan seramai 1,537 orang peserta. Jumlah ini adalah satu bilangan yang paling besar dalam tempoh penganjuran sukan ini. Sudah pasti, kejohanan yang kita anjurkan ini akan dapat memupuk dan merapatkan lagi hubungan antara ‘*Warga Kerja Raya*’ termasuklah agensi-agensi dan syarikat-syarikat konsesi di bawah Kementerian Kerja Raya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Suka saya mengimbas kembali pada Karnival Sukan Kerja Raya 2012 yang telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu, Kontinjen PLUS telah berjaya meraih gelaran juara keseluruhan kejohanan buat kali ke-lima (ke-5) dengan

meraih kutipan 9 emas, 3 perak dan 2 gangsa. Sungguhpun demikian, saya yakin dan percaya, setiap pasukan yang bertanding dalam kejohanan pada kali ini telah pun membuat persiapan awal dengan tahap disiplin yang tinggi, bermulalah daripada proses pemilihan pemain, sesi latihan sehingga ke saat merancang strategi yang akan diguna pakai oleh pasukan masing-masing. Sehubungan itu, saya menggesa supaya semangat berpasukan yang kental dan disiplin yang tinggi ini dapat dikekalkan dan diaplikasikan dalam perkhidmatan sehari-hari kita di waktu pejabat kelak.

Kejohanan seperti ini akan turut membentuk ‘Warga Kerja Raya’ menjadi lebih cemerlang, berdisiplin tinggi, mempunyai semangat kerjasama yang utuh dan mempunyai semangat daya juang yang lebih tinggi. Di samping itu, pembudayaan sukan bukan sahaja dapat melahirkan ‘Warga Kerja Raya’ yang mempunyai tubuh badan yang sihat dan minda yang cerdas, malah akan mampu menjadi pemangkin ke arah mutu perkhidmatan yang lebih tinggi. Adalah menjadi harapan saya supaya penganjuran kejohanan sukan pada kali ini dapat

berjalan lancar dengan penuh semangat kesukanan yang tinggi di kalangan peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Jika kita lihat, penglibatan secara aktif oleh pihak swasta dalam arus pembangunan negara telah pun bermula lebih daripada tempoh 20 tahun yang lalu apabila Dasar Pensyarikatan telah mula diperkenalkan oleh Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa kerjasama yang erat antara pihak kerajaan dengan pihak swasta bukan sahaja perlu dikekalkan, malah perlu dipertingkatkan lagi. Senario ini bukan sahaja akan mewujudkan hubungan yang harmoni antara kedua-dua agensi ini, malah akan dapat membantu memudahkan Malaysia mencapai tahap pembangunan negara yang lebih maju dan berdaya saing kelak. Secara tidak langsung, hasil hubungan yang erat ini sudah pasti akan dapat membantu Kementerian Kerja Raya selaku peneraju utama dalam industri pembangunan infrastruktur negara untuk merancang, melaksanakan, memantau dan menyelenggara aset-aset kerajaan yang telah diamanahkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sedang asyik kita sibuk bersukan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya janganlah kita lupa akan tanggungjawab kita kepada rakyat. Baik kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Kerja Raya mahupun kepada syarikat-syarikat konsesi yang telah diamanahkan untuk menjaga lebuhraya bertol sehingga tamat konsesinya, termasuklah juga syarikat-syarikat konsesi yang telah diamanahkan untuk menyelenggara aset-aset kerajaan sama ada Jalan Persekutuan mahupun Bangunan Gunasama. Tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan untuk menjaga aset-aset kerajaan ini tidak seharusnya diambil mudah. Aset-aset ini perlu dijaga dan diselenggara dengan sempurna supaya ianya sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan selamat untuk digunakan oleh rakyat.

Pihak syarikat dipohon mengambil tindakan yang lebih inovatif dalam kerja-kerja penyelenggaraan ini supaya kita dapat meng'optimum'kan output daripada sumber peruntukan kewangan yang amat terhad ini pada tahun hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Suka saya mengingatkan bahawa kita sekarang, sedang berada dalam awal musim tengkujuh. Tidak dapat tidak, sudah pasti kita tidak dapat lari daripada bencana banjir dan cerun runtuh sekiranya hujan yang turun berpanjangan tidak henti-henti. Pada awal bulan ini, terdapat 2 kejadian tanah runtuh di Sabah iaitu di Jalan Kota Kinabalu – Keningau – Tambunan – Tenom dan telah mengakibatkan jalan kita terputus akibat daripada kejadian hujan lebat yang berterusan. Mutakhir ini, saya berasa amat risau akan keadaan cerun-cerun dan jalan-jalan kita yang akan dinaiki air apabila hujan yang turun berpanjangan. Oleh itu, kita tidak seharusnya mengambil pendekatan tunggu dan lihat sahaja, malah, pepatah melayu sendiri ada menyebut ‘Sediakan payung, sebelum hujan’. Oleh itu, ‘Warga Kerja Raya’ ,termasuklah syarikat-syarikat konsesi yang diamanahkan tadi, hendaklah mengambil tindakan awal untuk memastikan sistem-sistem perparitan, termasuklah culvert dan longkang di jalan raya dan lebuhraya Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan tidak tersumbat,

supaya air hujan yang turun tadi dapat mengalir dengan lancar. Saya yakin dan percaya, antara faktor kecil yang menyumbang ke arah masalah banjir dan cerun runtuh ini turut disebabkan oleh kecuaian kita sendiri, iaitu kegagalan kita untuk menyelenggara sistem perparitan jalan raya dan lebuhraya Persekutuan dengan sempurna. Di samping itu, saya mengesyorkan supaya Bilik Gerakan di peringkat pusat wajar ditubuhkan bagi memantau keadaan jalan raya dan lebuhraya Persekutuan, terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko (bukannya ditubuhkan apabila bencana berlaku). Ini bagi memastikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan lebuhraya sentiasa dalam keadaaan terjamin. Sekiranya musibah melanda, sudah pasti kita akan dapat memberikan bantuan dan pertolongan kepada mangsa-mangsa tadi dalam keadaan yang singkat. Antara fungsi lain Bilik Gerakan adalah sebagai pusat rujukan sekiranya ada mana-mana jaringan jalan raya dan lebuhraya yang terputus. Bilik Gerakan ini akan memaklumkan kepada rakyat melalui media massa dan akan menyediakan cadangan laluan alternatif kepada pengguna-

pengguna jalan raya dan lebuhraya yang terputus tadi. Oleh yang demikian, sudah pasti pengguna-pengguna jalan raya tadi akan berasa lebih selamat dan sekaligus akan dapat meminimakan kecelakaan jalan raya dalam musim tengkujuh ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada syarikat-syarikat besar terutamanya syarikat-syarikat konsesi di bawah Kementerian Kerja Raya ini sentiasa peka dan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh rakyat terutamanya mangsa-mangsa bencana banjir ini. Apalah salahnya sekiranya syarikat-syarikat tuan-tuan dan puan-puan memberikan bantuan kemanusian seperti sumbangan keperluan asasi seperti makanan dan pakaian kepada mangsa-mangsa tersebut. Sedikit sebanyak dapatlah meringankan penderitaan yang ditanggung oleh mereka. Bukan itu sahaja, bantuan yang diberikan juga, boleh bersifat guna tenaga atau dengan bahasa mudah, ‘sukarelawan’. Dengan kehadiran sukarelawan ini tadi,

sedikit sebanyak akan mengurangkan rasa tekanan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir tadi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam Kejohanan Sukan Kerja Raya 2014 ini. Kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, selamat bertugas saya ucapkan.

Buat peserta-peserta yang mengambil bahagian pula, saya ucapkan selamat maju jaya dan bertandinglah dengan semangat kesukaran yang tinggi. Dengan lafaz Bismillahirahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kejohanan Sukan Kerja Raya 2014.

Sekian, terima kasih.